

TEKNIK MENJAWAB UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK (UASA)
BAHAGIAN B (BERIKAN PENDAPAT)

Nama:

Tarikh: 17/9/2026

Sekolah kamu telah melancarkan projek "Sekolah Lestari". Namun, kamu mendapati sebahagian murid sengaja mencampurkan sampah kitar semula dengan sampah biasa kerana malas. Pada masa yang sama, tong kitar semula di sekolah juga tidak mencukupi dan sering penuh.

Apakah tindakan yang sepatutnya kamu lakukan?

Walaupun dalam keadaan demam dan selsema, Siti berkeras untuk pergi ke sekolah kerana hari ini ada peperiksaan pertengahan tahun. Siti risau cikgunya marah kerana tidak hadir menduduki peperiksaan.

Apakah tindakan yang sepatutnya kamu lakukan?

Kamu sedang berjalan pulang dari sekolah. Tiba-tiba kamu ternampak sebuah dompet yang mengandungi sejumlah wang di tepi jalan. Dalam masa yang sama, kamu sangat memerlukan wang tersebut untuk membeli makanan dan keperluan sendiri.

Apakah tindakan yang sepatutnya kamu lakukan?